

KEPADANAN KATA KERJA DALAM PENTERJEMAHAN
SATU KAJIAN KES TEKS THE GREAT GATSBY
DAN SEMANTIC THEORY

Oleh

INDRANI A./ S. PILLAY

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

Mei 2002

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak berikut :

Terima kasih saya ucapkan kepada penyelia utama tesis ini, Profesor Mashudi Kader atas bimbingan dan tunjuk ajar serta kesabaran dan galakan beliau selama ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr. Norizan Mohd Nor yang telah memberikan sokongan moral dan harapan kepada saya pada saat-saat saya paling memerlukannya.

Saya juga amat terhutang budi kepada Cik Amuthavathi kerana bantuan beliau menaip data untuk tesis ini. Saya turut terhutang budi kepada En. Donald E. Schultz, seorang rakan yang tidak saya kenali. Rakaman terima kasih juga saya tujukan kepada En. Har Ming Ee yang telah banyak membantu saya dalam hal-hal berkaitan penggunaan komputer.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ingin saya ucapkan kepada suami dan ibu saya serta anak-anak saya yang telah membantu dan menyokong saya dengan penuh kesabaran sekian lama sehinggalah saya sempat menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang lain, rakan-rakan seperjuangan dan rakan-rakan sejawat yang telah memberikan dorongan dan nasihat yang berguna kepada saya.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii	
KANDUNGAN	iii	
ABSTRAK	xv	
ABSTRACT	xviii	
BAB 1 PENDAHULUAN		
1.0	Latar Belakang Kajian	1
1.1	Tujuan Kajian	4
1.2	Persoalan Kajian	5
1.3	Bidang Kajian	6
1.4	Batasan Kajian	7
1.5	Kerangka Analisis	8
1.6	Kaedah Kajian	8
1.7	Bahan Kajian	10
1.8	Organisasi Kajian	11
	Nota	13

BAB 2 LATAR BELAKANG TEORITIS

2.0	Pengenalan	14
2.1	Konsep Penterjemahan	14
2.2	Aspek-aspek Teori Terjemahan	16
2.2.1	Larson	16
2.2.2	Newmark	18
2.2.3	Nida	23
2.2.4	Catford	26
2.2.5	Baker	27
2.2.6	Firth dan Malinowski	30
2.2.7	Sapir-Whorf	32
2.2.8	Katz dan Fodor	33
2.2.9	Dixon	39
2.2.9.1	Kata Kerja Primer	41
2.2.9.1.1	Kata Kerja Primer-A	42
2.2.9.1.2	Kata Kerja Primer-B	43
2.2.9.2	Kata Kerja Sekunder	44
2.3	Ringkasan	46
	Nota	48

BAB 3 KATA KERJA PRIMER-A DAN PENTERJEMAHANNYA

3.0	Pengenalan	49
3.1	Kata Kerja PRIMER-A	49
3.2	Penterjemahan Kata Kerja PRIMER-A	50

3.2.1 Kata Kerja Primer-A jenis MOTION	50
3.2.1.1 Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis RUN dan subjenis ARRIVE dan penterjemahannya	51
3.2.1.1(A) Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis RUN dan subjenis ARRIVE yang mempunyai padanan dalam bahasa Malaysia	51
3.2.1.1(B) Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis RUN dan subjenis ARRIVE yang tidak mempunyai padanan dalam bahasa Malaysia	83
3.2.1.1(C) Ringkasan	91
3.2.1.2 Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis TAKE dan subjenis FOLLOW dan penterjemahannya	95
3.2.1.2(A) Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis TAKE dan subjenis FOLLOW yang mempunyai padanan dalam bahasa Malaysia	95
3.2.1.2(B) Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis TAKE dan subjenis FOLLOW yang tidak mempunyai padanan dalam bahasa Malaysia	109
3.2.1.2(C) Ringkasan	112
3.2.1.3 Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis CARRY, subjenis THROW dan subjenis DROP dan penterjemahannya	114
3.2.1.3(A) Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis	

CARRY, subjenis THROW dan subjenis DROP yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	114
3.2.1.3 (B) Kata Kerja Primer-A jenis MOTION subjenis CARRY, subjenis THROW dan subjenis DROP yang tidak mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	134
3.2.1.3 (C) Ringkasan	140
3.2.2 Kata Kerja Primer-A jenis REST	143
3.2.2.1 Kata Kerja Primer-A jenis REST; subjenis SIT, subjenis STAY, subjenis PUT, subjenis CONTAIN, subjenis HOLD, subjenis OPEN dan penterjemahannya	143
3.2.2.1(A) Kata Kerja Primer-A jenis REST, subjenis SIT, subjenis STAY, subjenis PUT, subjenis CONTAIN, subjenis HOLD, subjenis OPEN yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	144
3.2.2.1(B) Kata Kerja Primer-A jenis REST, subjenis SIT, subjenis STAY, subjenis PUT, subjenis CONTAIN, subjenis HOLD, subjenis OPEN yang tidak mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	154

3.2.2.1(C) Ringkasan	157
3.2.3 Kata Kerja Primer-A jenis AFFECT	159
3.2.3.1 Kata Kerja Primer-A jenis AFFECT, subjenis RUB, subjenis WRAP, subjenis STRETCH, subjenis BUILD, subjenis BREAK dan penterjemahannya	159
3.2.3.1(A) Kata Kerja Primer-A jenis AFFECT, subjenis RUB, subjenis WRAP, subjenis STRETCH, subjenis BUILD, subjenis BREAK yang mempunyai kata Padanan dalam bahasa Malaysia	161
3.2.3.1(B) Kata Kerja Primer-A jenis AFFECT, subjenis TOUCH, subjenis HIT, subjenis STAB, subjenis RUB, subjenis WRAP, subjenis STRETCH, subjenis BUILD, subjenis BREAK yang tidak mempunyai kata Padanan dalam bahasa Malaysia	174
3.2.3.1(C) Ringkasan	177
3.2.4 Kata Kerja Primer-A jenis GIVING dan CORPOREAL	179
3.2.4.1 Kata Kerja Primer-A jenis GIVING dan CORPOREAL dan penterjemahannya	179
3.2.4.2(A) Kata kerja Primer-A jenis GIVING dan	

CORPOREAL yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	180
3.2.4.1(B) Kata Kerja Primer-A jenis GIVING dan COPOREAL yang tidak mempunyai kata padanan Dalam bahasa Malaysia	192
3.2.4.1(C) Ringkasan	194
3.2.5 Kata Kerja Primer-A jenis COMPETITION, jenis SOCIAL CONTRACT, jenis USING, jenis OBEYING, jenis WEATHER	196
3.2.5.1 Kata Kerja Primer-A jenis COMPETITION, jenis SOCIAL CONTRACT, jenis USING, jenis OBEYING, jenis WEATHER dan penterjemahannya	196
3.2.5.1(A) Kata Kerja Primer-A jenis COMPETITION, jenis SOCIAL CONTRACT, jenis USING, jenis OBEYING, jenis WEATHER yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia.	197
3.2.5.1(B) Kata Kerja Primer-A jenis COMPETITION, jenis SOCIAL CONTRACT, jenis USING, jenis OBEYING, jenis WEATHER yang tidak mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	206
3.2.5.1(C) Ringkasan	209
Nota	213

BAB 4 KATA KERJA PRIMER-b DAN PENTERJEMAHANNYA

4.0 Pengenalan	214
4.1 Kata Kerja Primer-B	214
4.2 Penterjemahan Kata Kerja Primer-B	215
4.2.1 Kata Kerja Primer-B jenis ATTENTION	
4.2.1.1 Kata Kerja Primer-B jenis ATTENTION, subjenis SEE, subjenis SHOW, subjenis RECOGNISE, subjenis DISCOVER, subjenis WITNESS, subjenis WATCH dan penterjemahannya	216
4.2.1.1(A) Kata Kerja Primer-B jenis ATTENTION, subjenis SEE, subjenis SHOW, subjenis RECOGNISE, subjenis DISCOVER, subjenis WITNESS, subjenis WATCH yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	217
4.2.1.1(B) Kata Kerja Primer-B jenis ATTENTION, subjenis SEE, subjenis SHOW, subjenis RECOGNISE, subjenis DISCOVER, subjenis WITNESS, subjenis WATCH yang tidak mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	228
4.2.1.1(C) Ringkasan	232
4.2.2 Kata Kerja Primer-B jenis THINKING	234
4.2.2.1 Kata Kerja Primer-B jenis THINKING, subjenis THINK, subjenis ASSUME, subjenis PONDER, subjenis REMEMBER, subjenis KNOW, subjenis	

CONCLUDE, subjenis SOLVE, subjenis BELIEVE dan penterjemahannya	234
4.2.2.1(A) Kata Kerja Primer-B jenis THINKING, subjenis THINK, subjenis ASSUME, subjenis PONDER, subjenis REMEMBER, subjenis KNOW, subjenis CONCLUDE, subjenis SOLVE, subjenis BELIEVE yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	236
4.2.2.1(B) Kata Kerja Primer-B jenis THINKING, subjenis THINK, subjenis ASSUME, subjenis PONDER, subjenis REMEMBER, subjenis KNOW, subjenis CONCLUDE, subjenis SOLVE, subjenis BELIEVE yang tidak mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	244
4.2.2.1(C) Ringkasan	247
4.2.3 Kata Kerja Primer-B jenis SPEAKING	249
4.2.3.1 Kata Kerja Primer-B jenis SPEAKING, subjenis TALK, subjenis DISCUSS, subjenis SHOUT, subjenis REPORT, subjenis INFORM, subjenis TELL, subjenis ORDER, subjenis FORGIVE dan penterjemahannya	249
4.2.3.1(A) Kata Kerja Primer-B jenis SPEAKING, subjenis TALK, subjenis DISCUSS, subjenis SHOUT, subjenis REPORT, subjenis INFORM, subjenis TELL, subjenis ORDER,	

subjenis FORGIVE yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	251
4.2.3.1(B) Kata Kerja Primer-B jenis SPEAKING, subjenis TALK, subjenis DISCUSS, subjenis SHOUT, subjenis REPORT, subjenis INFORM, subjenis TELL, subjenis ORDER, subjenis FORGIVE yang tidak mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	258
4.2.3.1(C) Ringkasan	260
4.2.4 Kata Kerja Primer-B jenis DECIDING, LIKING, ANNOYING, HAPPENING, COMPARING, RELATING dan ACTING	263
4.2.4.1 Kata Kerja Primer-B jenis DECIDING, LIKING, ANNOYING, HAPPENING, COMPARING, RELATING dan ACTING dan penterjemahannya	264
4.2.4.1(A) Kata Kerja Primer-B jenis DECIDING, LIKING, ANNOYING, HAPPENING, COMPARING, RELATING dan ACTING yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	265
4.2.4.1(B) Kata Kerja Primer-B jenis DECIDING, LIKING, ANNOYING, HAPPENING, COMPARING, RELATING dan ACTING yang tidak mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	274
4.2.4.1(C) Ringkasan	276

BAB 5 KATA KERJA SEKUNDER

5.0	Pendahuluan	280
5.1	Kata Kerja Sekunder	280
5.1.1	Kata Kerja Sekunder-A	282
5.1.1.1	Kata Kerja MODAL, SEPARA MODAL dan penterjemahannya	282
5.1.1.1(A)	Kata Kerja MODAL, SEPARA MODAL yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	283
5.1.1.1(B)	Kata Kerja MODAL, SEPARA MODAL yang tidak mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	292
5.1.1.1(C)	Ringkasan	293
5.1.2	Kata Kerja Sekunder-A jenis BEGINNING, TRYING, HURRYING dan DARING	295
5.1.2.1	Kata Kerja Sekunder-A jenis BEGINNING, TRYING, HURRYING dan DARING dan penterjemahannya	295
5.2.1.1(A)	Kata Kerja Sekunder-A jenis BEGINNING, TRYING, HURRYING dan DARING yang mempunyai kata padanan dalam bahasa Malaysia	296
5.2.1.1(B)	Kata Kerja Sekunder-A jenis BEGINNING, TRYING, HURRYING dan DARING yang tidak mempunyai kata	

padanan dalam bahasa Malaysia	302
5.2.1.1(C) Ringkasan	305

BAB 6 PENUTUP

6.0 Pengenalan	
6.1 Kepadanan Kata Kerja Primer	323
6.1.1 Kepadanan Kata Kerja Primer-A jenis MOTION	324
6.1.2 Kepadanan Kata Kerja Primer-A jenis REST dan AFFECT	327
6.1.3 Kepadanan Kata Kerja Primer-A jenis GIVING dan CORPOREAL	329
6.1.4 Kepadanan Kata Kerja Primer-A jenis COMPETITION, SOCIAL CONTRACT, USING, OBEYING dan WEATHER	331
6.2 Kepadanan Kata Kerja Primer-B	332
6.3 Kepadanan Kata Kerja Sekunder	334
6.4 Kesimpulan	336

SIMBOL & GLOSARI

341

BIBLIOGRAFI

346

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji kepadanan kata kerja dalam bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia. Tujuan tesis ini adalah melihat panduan dan strategi yang digunakan untuk menterjemahkan kata kerja bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia. Bahan kajian diambil daripada sebuah novel, The Great Gatsby (Fitzgerald, F. S., 1994) dan sebuah buku ilmiah, Semantic Theory (Kempson, R. M., 1977). Kajian ini didasarkan kepada timbunan beberapa teori yang digagaskan oleh Larson (1974), Newmark (1988), Nida (1964), Catford (1969,) Baker (1992), hipotesis Sapir-Whorf (1980), teori Konteks Keperihalhan Keadaan oleh Firth dan Malinowski (1989), kaedah Analisis Komponen Makna oleh Katz dan Fodor (1963) dan kategori penggolongan kata kerja oleh Dixon (1991). Beberapa persoalan kajian digunakan sebagai panduan penelitian.

Kepadanan kata kerja dalam kajian ini melihat makna daripada dua pendekatan --- pendekatan makna kamus dan makna konteks keperihalhan keadaan. Kata padanan yang tidak mengikut makna kamus diteliti dan dikaji dari segi konteks keperihalhan keadaan ayat, kesesuaian kata padanan dengan budaya masyarakat Melayu serta ketepatan makna. Kata kerja yang mengalami perubahan makna semasa proses penterjemahan turut diteliti. Masalah yang timbul semasa mencari kata padanan dibincangkan dan pendekatan yang diambil penterjemah dikemukakan.

Kajian ini membuat kesimpulan bahawa pada amnya, padanan pada kebanyakan kata kerja bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia memang dapat dicari. Hanya

beberapa sahaja yang bermasalah. Yang paling dipentingkan semasa mencari kata padanan ialah ketepatan maksud dalam konteks keperihalan keadaan ayat sumber. Perkara-perkara lain yang perlu ditimbang bersama ialah kolokasi, kelaziman penggunaannya dalam bahasa sasaran, kelancaran olahan dalam ayat sasaran serta kesesuaiannya dengan emik bahasa sasaran. Pada amnya, tidak boleh ditetapkan satu-satu kaedah untuk menterjemahkan kata kerja kerana faktor-faktor tersebut perlu dilihat bersama. Yang nyata ialah penterjemah telah menimbang kesemua faktor ini dan juga bergantung kepada intuisinya dan kecekapannya berbahasa untuk menentukan pemilihan kata padanan yang terbaik dalam satu-satu konteks keperihalan keadaan itu.

Laras bahasa juga turut mempengaruhi pilihan kata padanan. Laras bahasa dalam novel lebih fleksibel dan kurang menggunakan kata padanan yang tersenarai dalam kamus sebagai kata padanan. Laras ilmiah sebaliknya lebih cenderung mengambil kata padanan daripada kamus sebagai kata padanan. Di samping itu, kelihatan penterjemahan sebuah novel lebih mencabar kecekapan penterjemah, khususnya apabila sesuatu kata kerja itu digunakan dalam frasa figuratif. Daripada penelitian, juga didapati penterjemah peka kepada perubahan makna sesuatu kata kerja itu dalam konteks keperihalan keadaan yang berlainan. Penterjemah lebih berhati-hati dalam situasi begini untuk mengelakkan salah tafsir maksud ayat sumber yang boleh menjejaskan ayat sasaran. Sebaliknya, menterjemahkan teks laras ilmiah kelihatan memerlukan penterjemah arif dalam bidang yang terlibat dan peka tentang perluasan makna sesuatu perkataan itu dalam bidang tersebut. Di samping itu, terjemahan melampau dan terjemahan kurang tidak dapat dielakkan dalam usaha

penterjemah mendapatkan kata padanan yang sejadi dengan emik bahasa sasaran dan tepat dalam konteks keperihalalan keadaan yang berkaitan kerana bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia merupakan dua sistem bahasa yang dalam banyak halnya berlainan.

ABSTRACT

VERB EQUIVALENCE IN TRANSLATION :
A CASE STUDY OF THE GREAT GATSBY
AND SEMANTIC THEORY

This thesis analyses the equivalence of verbs from English into bahasa Malaysia. The aim of this study is to identify guidelines and strategies which can be used when translating verbs from English into bahasa Malaysia. The data for this thesis are collected from a novel, The Great Gatsby (Fitzgerald, F. S., 1994) and an academic book, Semantic Theory (Kempson, R. M., 1977). The analysis is based on a number of ideas of Larson (1974), Newmark (1988), Nida (1964), Catford (1969), Baker (1992), Sapir-Whorf Hypothesis (1980), the theory of Context of Situation by Firth dan Malinowski (1989), Katz dan Fodor (1963) on Componential Analysis and classification of verbs by Dixon (1991).

In this thesis verb equivalence looks at meaning from two approaches – the approach of dictionary meaning and contextual meaning. Equivalents that did not confer to their dictionary meanings are observed and analysed in terms of the context of the sentence, suitability of the equivalents with respect to Malay culture and their accuracy in meaning. Verbs that experience changes in meaning during

the translation process are also observed. Problems related to finding equivalents are discussed and approaches taken by the translator are given.

This study confirms that generally bahasa Malaysia equivalence for English verbs can be found. Only in a number of cases do problems arise. In determining suitability of verb equivalence, accuracy of meaning within the context of the source sentence is given priority. Other factors that are taken into consideration are collocation, familiarity of usage within the target language, smoothness of the target sentence and suitability with the emic of the target language. In short, no fixed method can be employed to translate verbs because all these factors have to be considered in combination. It is clear that the translator has to take into account all the factors mentioned and in the end it depends on his intuition and language competence of the translator to determine the best equivalent for a given situation.

Register also influences the choice of equivalents. The register of a novel is more flexible and uses fewer dictionary meanings as equivalents. The academic register on the other hand, is more likely to use dictionary meanings as equivalents. In addition, translating a novel is more challenging on the competence of the translator, more so when a verb is used in a figurative phrase. It is observed that the translator has been sensitive to the meaning changes of certain verbs in different contextual situations. He has been cautious in such a situation to avoid misinterpretation of the meaning of the source text as this will affect the target sentence as well. On the other hand, translating a text using the academic register requires the translator to be familiar with the required field. In addition, over-translation and under-translation

cannot be avoided when the translator attempts to find equivalents that are both natural to the emic of the target language as well as accurate in meaning because both English and Malay are two different language systems altogether.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Dipercayai usaha penterjemahan yang paling awal di Tanah Melayu berlaku dalam bentuk pengumpulan kata-kata untuk kamus Sanskrit-Melayu Kuno (Asmah,1975). Seterusnya pada tahun 1403, diketemukakan sebuah kamus Melayu-Cina milik seorang mubaligh Kristian. Kemudian pada tahun 1612 Sultan Alauddin Riayat Shah menitahkan Bendaharanya, Tun Seri Lanang membaiki kitab tua dari Goa, (Pelita Bahasa, Mac 1992). Usaha penterjemahan diteruskan secara perlahan-lahan dan tidak teratur dengan melibatkan buku-buku keagamaan dan kesusasteraan. Apabila penjajahan Inggeris bermula di Tanah Melayu pada tahun 1874 (iaitu melalui Perjanjian Pangkor), usaha penterjemahan semakin meluas dengan tujuan menanam bibit-bibit ideologi mereka kepada rakyat tempatan di samping menyebarkan ilmu pengetahuan melalui buku-buku cerita. Tokoh-tokoh seperti Frank Swettenham, Hugh Clifford dan Hugh Low pula berusaha mempelajari bahasa Melayu untuk memudahkan mereka mentadbir kawasan tadbiran mereka (Pelita Bahasa, Mac, 1992).

Bermula tahun 1888 Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa di Johor telah menjalankan usaha yang lebih gigih menterjemahkan buku-buku daripada bahasa Inggeris dan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu untuk memenuhi keperluan

bidang pendidikan sekolah pondok dan madrasah (Pelita Bahasa, Mac 1992). Bahan-bahan ilmiah yang diterjemahkan pada masa itu tertumpu kepada bahan-bahan keagamaan. Setelah tertubuhnya *Malay Women's Training College* di Melaka, *Sultan Idris Training College* (SITC) di Tanjung Malim pada tahun 1922,¹ dan lebih-lebih lagi apabila ditubuhkan Pejabat Karang-Mengarang (PKM) yang diketuai oleh Pendeta Za'ba (Pelita Bahasa, Nov., 1998), barulah penterjemahan bahan-bahan bacaan dari Barat ke dalam bahasa Melayu dijalankan secara teratur dan kemudian digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah Melayu. Antara hasil kerja penulisan yang diterbitkan oleh PKM ialah *Malay School Series*, *Malay Home Library Series*, *Sang Maharaja Singa*, *Cerita-cerita Sherlock Holmes*, *Cerita Robin Hood*, *Panglima Hercules*, *Goa Intan Sultan Sulaiman*, *Cerita-cerita Duka Shakespeare*, *Ilmu Sharikat Bekerjasama* (1934), *Penyakit Demam Kura (Malaria)*, *Umbi Kemajuan Atau Falsafah Takdir* (1932) dan banyak lagi (Pelita Bahasa, Nov. 1998).

Usaha penterjemahan secara formal dan terancang seterusnya diambil alih oleh Balai Pustaka yang kemudiannya ditukarkan namanya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, sejak tertubuhnya badan ini pada tahun 1956 (Pelita Bahasa, Mac, 1992). Badan ini diberi tanggungjawab mengendalikan aktiviti penterjemahan yang terus dijalankan sehingga kini. Ordinan Dewan Bahasa Pustaka tahun 1959 yang dipinda pada tahun 1972 menyebutkan matlamat DBP sebagai "Memaju dan Memperkayakan bahasa kebangsaan termasuk membina peristilahan (ibid, m.s.11). Sehingga tahun 1995, 500 buah buku yang merangkumi pelbagai bidang telah diterjemahkan dan diterbitkan (DBP, 1995 : 28) dan usaha ini telah diteruskan

sehingga kini. Di samping itu, terdapat usaha yang ketara daripada pihak kerajaan untuk menggiatkan lagi usaha penterjemahan bahan-bahan bacaan yang lain. Pada tahun 1995, Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-5 yang dianjurkan di Johor Bahru telah membuat beberapa rumusan penting. Antaranya diputuskan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Buku Terjemahan di setiap Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Institut Penterjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM), yang ditubuhkan pada 14 September, 1993, telah diberi mandat untuk menguruskan jawatankuasa tersebut dan seterusnya mengendalikan hal ehwal penterjemahan di Malaysia (Pelita Bahasa, Jan. 2000). Namun begitu, usaha penulisan buku yang khususnya memberikan panduan menterjemah dalam bahasa Malaysia tidak begitu giat dijalankan. Yang terdapat di pasaran pada masa kini antara lain adalah seperti Ainon Muhamad (1979, 1985) dan Abdullah Hassan (1987). Kebanyakan buku tentang penterjemahan yang ada sekarang adalah dalam bahasa asing, khususnya dalam bahasa Inggeris seperti Nida (1964, 1974), Newmark (1988), Catford (1969), Larson (1984), Bell (1991), Bassnett-McGuire (1990), Baker (1992), Brislin (1976), Hatim dan Mason (1990) dan beberapa lagi yang lain. Sebilangan daripada buku-buku ini telah diterjemahkan seperti Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman (1992), Mashudi Kader (1996) dan Uma Iyavoo dan Koh (1996). Sudah ada usaha untuk mengisi kekosongan tadi melalui penyelidikan ilmiah yang dihasilkan dalam bentuk tesis di universiti-universiti tempatan, misalnya Low (1991) dan Lim (1997) dan dalam bentuk makalah yang diterbitkan dalam Jurnal Terjemahan oleh Persatuan Penterjemah Malaysia. Di Universiti Sains Malaysia, Program Terjemahan telah diadakan sejak tahun 1984 serta diperkenalkan sebagai program major pada tahun 1992. Di Universiti Malaya

pula telah ada program Diploma Terjemahan selama lebih daripada dua abad setengah sementara di Universiti Kebangsaan Malaysia dan di Universiti Pertanian Malaysia telah wujud kursus-kursus terjemahan di Fakulti Bahasa masing-masing.

Kajian kepadanan kata kerja dalam tesis ini dijalankan dengan harapan kajian ini dapat menambah kekurangan bahan dalam bidang penterjemahan. Setakat ini terdapat sebuah sahaja kajian tentang kepadanan kata dalam penterjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia. Low (1991) menganalisis padanan kata nama khususnya kata nama am, kata nama khas dan kata ganti serta kata tugas, yakni kata depan dan kata sandang dalam tesis beliau. Gan (1991) dalam bab empat buku beliau, Kata Kerja Bantu dalam Sintaksis Bahasa Malaysia, membincangkan secara seimbans lalu perbandingan kata kerja bantu bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kajian tentang kepadanan kata kerja belum lagi dilakukan. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan dapat membantu mengisi kekurangan bahan dalam bidang penterjemahan di samping dimanfaatkan oleh para pelajar dan pengkaji penterjemahan bahasa Malaysia serta sedikit sebanyak dapat digunakan sebagai bahan rujukan bagi kajian-kajian yang akan datang.

1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini menganalisis padanan kata kerja bahasa Malaysia daripada bahasa Inggeris yang terdapat dalam sebuah buku teks akademik yang diterjemahkan dan

sebuah buku novel yang diterjemahkan. Khususnya, kajian ini mengkaji kesesuaian penterjemahan kata kerja dalam bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia.

Mengikut Nilsen et al. (1975 : 87) kata kerja ialah unsur yang paling penting dalam pembentukan ayat, iaitu :

“Kata kerja merupakan unsur yang paling penting dan paling asas dalam ayat dan yang menyatukan ayat dari segi sintaksis dan semantik, bukannya kata nama.(terjemahan saya)”²

Kata kerja merupakan golongan kata yang kedua besar selepas kata nama dan yang paling asas dalam satu-satu ayat. Mengikut Palmer (1974), bahagian yang paling sukar dalam mana-mana bahasa biasanya ialah bahagian yang melibatkan kata kerja. Dengan ini kajian kepadanan kata kerja ini difikirkan satu kajian yang berguna dan harus dijalankan.

1.2 Persoalan Kajian

Jika kita mengkaji definisi terjemahan yang diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang penterjemahan, kesemuanya secara langsung atau tidak langsung mengaitkan terjemahan sebagai pengalihan makna daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Dalam pada itu, pengalihan makna ini tidak berlaku dalam satu vakum tetapi membabitkan dua masyarakat bahasa yang mempunyai kebudayaan yang berlainan. Ini bermaksud penterjemahan melibatkan bukan sahaja dua bahasa yang berlainan tetapi juga dua budaya yang berbeza. Dengan itu, oleh sebab bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia kedua-duanya mempunyai penutur yang

berbeza sama sekali dari segi alam pemikiran dan kebudayaan, mencari kata-kata padanan ini semestinya akan menimbulkan pelbagai masalah. Untuk mencapai tujuan kajian ini, beberapa persoalan akan diteliti, khususnya :

- (1) (a) setakat manakah satu-satu kata kerja dalam bahasa Inggeris itu dapat dicari kata padanan yang sesuai dengan konteks keperihalalan keadaan³ ayatnya?
- (b) setakat manakah faktor kebudayaan⁴ yang berbeza dan pandangan dunia yang berlainan antara masyarakat penutur bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris mempengaruhi usaha mencari kata padanan?
- (c) apakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi pemilihan padanan kata kerja?
- (d) apakah antara masalah-masalah mencari kata padanan dan apakah cara mengatasi masalah berkaitan?
- (e) setakat manakah masalah ketidakterjemahan dapat diatasi dan apakah kesan ketidakterjemahan ini ke atas penterjemahan kata kerja secara menyeluruh?
- (f) setakat manakah faktor-faktor emik bahasa sasaran, kolokasi dan kelaziman penggunaan turut mempengaruhi pemilihan kata padanan?

1.3 Bidang Kajian

Kajian ini tertumpu pada masalah mencari kepadanan kata kerja bahasa Malaysia daripada bahasa Inggeris. Masalah-masalah yang dihadapi semasa mencari

padanan kata kerja dikenal pasti dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah ini dikemukakan. Tesis ini juga membincangkan pendekatan-pendekatan yang boleh diambil untuk mendapatkan kata padanan yang sesuai dan sejadi semasa menterjemahkan kata kerja daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia. Selain itu, kajian ini juga memperlihatkan kesan laras bahasa yang berlainan terhadap usaha mencari kata padanan.

1.4 Batasan Kajian

Bidang penterjemahan memungkinkan kajian dijalankan untuk mencakupi pelbagai aspek. Aspek gaya, makna dan sebagainya ataupun kepadanan peringkat kata, frasa, klausa, ayat dan wacana boleh dikaji. Dalam tesis ini yang dikaji ialah kepadanan peringkat kata, khususnya kata kerja. Kajian ini juga membincangkan perubahan makna yang timbul akibat terjemahan melampau atau terjemahan kurang semasa mencari kata padanan yang paling hampir dalam bahasa sumber. Selain itu, kajian ini juga secara tidak langsung mengkaji pengaruh laras bahasa yang berlainan dalam usaha mencari kepadanan kata.

Dalam pada itu, yang dikaji hanyalah kata-kata padanan kata kerja. Perubahan sintaksis yang berlaku akibat proses penterjemahan tidak akan disentuh kerana ini dianggap di luar ruang lingkup kajian ini. Kajian ini juga terbatas kepada perbincangan padanan kata kerja daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia sahaja.

1.5 Kerangka Analisis

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan timbunan idea daripada beberapa teori yang terdiri daripada yang berikut :

- (2) (a) Larson (1974), Newmark (1988), Nida (1964), Catford (1969) dan Baker (1992) tentang Penterjemahan;
- (b) Firth dan Malinowski seperti dalam (Palmer : 1989) tentang Teori Konteks Keperihalhan Keadaan;
- (c) Sapir-Whorf (1980) tentang Hipotesis Sapir-Whorf;
- (d) Katz dan Fodor (1963) tentang Analisis Komponen Makna;
- (e) Dixon (1991) tentang Kategori Penggolongan Kata.

Maklumat terperinci tentang teori-teori ini diberikan dalam Bab 2.

1.6 Kaedah Kajian

Pengkaji mendapatkan data untuk kajian ini daripada teks asal dan teks terjemahan sebuah buku akademik dan sebuah novel. Data daripada buku akademik yang dipilih ini ialah Semantic Theory (Kempson, 1977). Buku ini telah dipindahkan ke dalam disket dan selepas itu disunting kerana berlaku kehilangan data semasa proses skan dilakukan. Data juga diperoleh daripada teks terjemahannya. Data daripada novel The Great Gatsby (Fitzgerald, 1994) telah ditaip ke dalam disket kerana kualiti kertas novel berkenaan yang dicetak pada kertas dikitar semula tidak membolehkan proses skan dilakukan. Proses ini memakan masa dan terpaksa dilakukan dengan teliti untuk memastikan tidak berlaku kehilangan data yang akan menjejaskan data bagi tesis ini nanti.

Selepas itu, ayat-ayat yang mengandungi kata kerja dalam bahasa Inggeris dikutip dan dibandingkan dengan ayat dalam teks terjemahannya yakni Tuan Gatsby (1990) oleh Ainon Abu Bakar dan Teori Semantik (1991) oleh Zaiton Ab. Rahman untuk menentukan keobjektifan ayat-ayat yang diterjemahkan. Seterusnya, kata padanan dalam teks terjemahan ini dibandingkan dengan kata padanan yang diberikan dalam Kamus Dwibahasa Dewan Bahasa dan Pustaka. Makna dalam Kamus Dwibahasa Dewan Bahasa dan Pustaka digunakan untuk merujuk ketepatan padanan dalam data bagi tesis ini dan digunakan sebagai tumpuan rujukan atau 'reference point'.

Kata padanan yang tidak mengikut makna kamus diteliti dan dikaji dari segi konteks keperihalalan keadaan ayat, kesesuaian kata padanan dengan budaya masyarakat Melayu serta ketepatan makna. Masalah-masalah yang timbul semasa mencari kata padanan dan seterusnya strategi dan pendekatan yang diambil untuk mendapatkan kata padanan dikemukakan.

Di samping itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis komponen makna untuk menjelaskan fitur-fitur makna atau komponen-komponen makna dalam setiap makna kamus yang diberikan berdasarkan makna intinya, yakni makna pada kemasukan pertama dalam kamus Longman Dictionary of Contemporary English (1992) dibandingkan dengan fitur-fitur makna kata kerja yang sama dalam penggunaan ayat-ayat yang diambil daripada data. Fitur-fitur makna ini kemudiannya dibandingkan dengan fitur-fitur makna kata padanannya. Kata kerja yang mempunyai kata padanan ialah kata kerja yang kata padanannya juga mempunyai fitur makna yang sama. Sebaliknya, kata kerja yang tidak mempunyai kata padanan atau yang telah disalahterjemahkan dibuktikan dengan

membandingkan fitur-fitur maknanya dan kata padanan yang lebih tepat atau kata padanan yang betul dicadangkan. Seterusnya, pengkaji cuba mendapatkan rumusan tentang strategi-strategi untuk dijadikan panduan semasa menterjemahkan kata kerja sedemikian.

1.7 Bahan Kajian

Data yang digunakan untuk kajian ini bergantung sepenuhnya kepada sebuah novel, The Great Gatsby (Fitzgerald, 1994) dan terjemahannya berjudul Tuan Gatsby (Ainon Abu Bakar, 1990) dan sebuah buku akademik, Semantic Theory (Kempson, 1977) dan terjemahannya Teori Semantik (Zaiton Ab. Rahman, 1991). Pengkaji memilih novel The Great Gatsby kerana novel ini berlatarbelakangkan masyarakat Amerika dalam Zaman Jazz dan kaya dengan unsur-unsur budaya yang unik yang mungkin akan mendatangkan masalah apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia yang mempunyai kebudayaan yang berlainan sama sekali. Sebuah buku akademik juga dipilih untuk melihat apakah kesan laras bahasa yang berlainan terhadap penterjemahan. Pemilihan teks yang berlainan laras ini juga dibuat supaya data yang diperoleh akan lebih representatif. Selain itu, kedua-dua buku ini dipilih kerana diterjemahkan oleh dua orang penterjemah yang arif tentang selok-belok terjemahan dan pakar dalam bidang masing-masing. Jadi, kemungkinan besar usaha mencari kata padanan yang paling hampir lebih berjaya dilakukan.

Bahan dalam kajian ini juga tidak hanya tertumpu kepada kata kerja dalam bentuk kata dasar sahaja. Data turut merangkumi kata kerja yang terbentuk daripada

golongan kata-kata lain yang diberi imbuhan supaya hasilnya nanti akan lebih global.

Pengkaji mengkaji kata kerja daripada data berdasarkan penggolongan kata kerja dalam buku Dixon (1991). Dixon membahagikan kata kerja kepada kata kerja Primer dan kata kerja Sekunder serta subgolongannya masing-masing. Pengkaji menerapkan kata kerja yang diperoleh daripada data ke dalam penggolongan ini. Hanya kata kerja yang “bermasalah”⁵ sahaja dikaji dan masalah yang berulang dikaji sekali sahaja. Mengikut cara ini pengkaji mengenal pasti lima puluh sembilan (59) kata kerja jenis Primer dan tujuh belas (17) kata kerja jenis Sekunder yang bermasalah dan kata kerja ini dibincangkan dengan terperinci.

1.8 Organisasi Kajian

Tesis ini terbahagi kepada 6 bab. Bab 1 merangkumi Pendahuluan yang membincangkan latar belakang kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, bidang kajian, batasan kajian, kerangka analisis, kaedah kajian, bahan kajian serta organisasi kajian.

Dalam Bab 2 diberi landasan teori konsep penterjemahan oleh Larson, Newmark, Nida, Catford dan Baker, kaedah analisis komponen anjuran Katz dan Fodor, dan penggolongan kata kerja dalam bahasa Inggeris oleh Dixon. Dibincangkan juga tentang Hipotesis Sapir-Whorf dan teori Konteks Keperihalannya Keadaan anjuran Firth serta penjenisan makna yang digunakan dalam tesis ini. Dalam Bab 3 pula dibincangkan dengan terperinci golongan kata kerja Primer-A dan subjenis-subjenis kata kerja ini serta penterjemahannya. Dalam Bab 4 diperincikan golongan kata

kerja Primer-B dan subjenis-subjenis kata kerja ini serta penterjemahannya. Masalah-masalah yang dihadapi penterjemah dan pendekatan yang diambil untuk mengatasinya turut dibincangkan. Bab 5 pula memperincikan kata kerja Sekunder dan penterjemahannya, masalah-masalah yang dihadapi oleh penterjemah semasa mencari kata padanan bagi kata kerja ini serta cara penterjemah mengatasi masalah berkenaan. Bab 6 ialah bab penutup dan dalam bab ini dapatan-dapatan dan pemerhatian signifikan serta cadangan kajian lanjutan dibincangkan.

NOTA

- 1 Lihat Asmah Hj. Omar, *Essays in Malaysian Linguistics* (1975) m.s. 142.
- 2 Teks asal dalam bahasa Inggeris ialah : "Rather than the noun being the important part of a sentence, it is usually the verb which is basic and which holds the sentence together syntactically and semantically."
- 3 Istilah ini pertama kalinya diusulkan oleh Yunus Maris dalam Jurnal Bahasa keluaran Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- 4 "Kebudayaan" didefinisikan oleh Palmer (1989, m.s. 73) terjemahan Abdullah Hassan sebagai "keseluruhan kepelbagaian aktiviti dan idea-idea serta ekspresi idea-idea ini dalam bentuk objek dan proses yang khusus bagi satu-satu kelompok manusia termasuk persekitarannya".
- 5 Kata kerja yang bermasalah merujuk kata kerja yang kata padanannya tidak diperoleh dalam kemasukan kamus, kata kerja yang mengalami perubahan makna apabila diterjemahkan atau kata kerja yang tidak dapat diterjemahkan.

BAB 2

LATAR BELAKANG TEORETIS

2.0 Pengenalan

Bab ini menghuraikan beberapa landasan teori yang digunakan sewaktu mengkaji kepadanan kata dalam kajian ini. Tesis ini menggunakan beberapa aspek teori yang diutarakan oleh :

- (1)(a) Larson (1974), Newmark (1988), Nida (1964), Catford (1969) dan Baker (1992) tentang Penterjemahan;
- (b) Firth dan Malinowski (dalam (Palmer, 1989) tentang Teori Konteks Keperihalhan Keadaan;
- (c) Sapir-Whorf (1980) tentang Hipotesis Sapir-Whorf;
- (d) Katz dan Fodor (1963) tentang Analisis Komponen Makna;
- (e) Dixon (1991) tentang Kategori Penggolongan Kata.

2.1 Konsep Penterjemahan

Aktiviti penterjemahan telah bermula semenjak tahun 3000 Sebelum Masehi lagi (Newmark, 1988 : 1) tetapi para pengkaji penterjemahan masih bercanggahan pendapat tentang beberapa aspek terjemahan. Salah satu aspek yang belum dipersetujui sebulat suara ialah yang berkaitan dengan definisi penterjemahan itu sendiri. Terdapat pelbagai definisi terjemah bergantung kepada pihak-pihak yang dirujuk. Definisi yang paling umum ialah yang diberikan kamus-kamus biasa

sementara kamus yang khusus bagi bidang bahasa dan linguistik memberikan penghuraian definisi yang lebih terperinci. Kepelbagaian definisi ini juga ketara di kalangan pakar-pakar penterjemahan.

Newmark (1988 : 5) mementingkan maksud penulis asal dalam memberikan definisi terjemahan; iaitu :

“... menyampaikan maksud sesebuah teks ke dalam satu bahasa yang lain sebagaimana yang dimaksudkan oleh penulis asalnya. (terjemahan saya)”¹

Larson (1984 : 3) turut menegaskan pentingnya maksud teks asal dikekalkan semasa menterjemah; iaitu :

“... menterjemah merangkumi pemindahan mesej yang disampaikan dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran ... Mesej asal mesti dikekalkan dan tidak berubah. Yang berubah hanyalah bentuknya sahaja. (terjemahan saya)”²

Jika diteliti definisi yang diberikan oleh Nida (1969 : 12), memang ketara Nida juga menekankan mesej asal. Di samping itu, beliau turut menegaskan pentingnya mengutamakan mesej daripada gaya penyampaian; iaitu :

“... (terjemahan adalah) menghasilkan semula dalam bahasa sasaran kata padanan yang paling hampir dengan bahasa sumber, pertama sekali dari segi maksudnya dan kedua dari segi gaya penyampaiannya. (terjemahan saya)”³

Daripada definisi-definisi ini, yang menjadi ciri ketara ialah :

- (2) (a) terjemahan membabitkan bahasa sumber dan bahasa sasaran;
- (b) maksud/mesej diutamakan;
- (c) hasilnya haruslah sesuai dengan tujuan keperluan pembaca sasaran;

- (d) pemindahan padanan makna/mesej yang paling hampir diberi penekanan;
- (e) terjemahan lebih cenderung kepada bentuk tulisan daripada lisan.

Dengan itu, definisi penterjemahan yang akan digunakan sebagai landasan untuk kajian ini dirangka berlandaskan ciri-ciri utama tersebut :

Penterjemahan ialah proses memindahkan bahan teks bertulis daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan tujuan menghasilkan semula mesej/maksud dalam bahasa sasaran dengan mencari kata-kata padanan yang paling hampir tanpa menjejaskan fakta dalam teks asal dan menggunakan struktur bahasa sasaran yang lazim serta hasilnya sesuai dengan tujuan keperluan pembaca sasaran.

2.2 Aspek-aspek Teori Penterjemahan


Di sini diterangkan beberapa aspek teori yang digunakan dalam tesis ini.

2.2.1 Larson (1984)

Mengikut Larson, terjemahan membabitkan pemindahan bahan teks bertulis daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Mesej asalnya tidak berubah walaupun bentuknya kini berubah. Proses “mengubah bentuk” ini memerlukan penterjemah meneliti leksikon, struktur gramatis, situasi komunikasi dan konteks keperihalan keadaan budaya teks bahasa sumber. Penterjemah juga perlu menimbangkan tujuan, keperluan dan pembaca teks sasaran atau audiensnya dan seterusnya menganalisisnya untuk menentukan maksud sebenarnya sebelum mesej yang sama dapat disampaikan dalam bahasa sasaran dengan menggunakan leksikon

dan struktur gramatis yang lazim serta sesuai dalam bahasa sasaran dan dengan mengambil kira konteks keperihalan keadaan budayanya sekali. Proses ini dijelaskan dalam (3).

(3)



Ringkasan Proses Menterjemah

(Dipetik dan disesuaikan daripada Larson, 1984 : 4)


Bagi Larson, terdapat dua jenis terjemahan : terjemahan yang berdasarkan bentuk teks asal dan terjemahan yang berdasarkan maksud teks asal kerana setiap teks mempunyai bentuk dan juga maksud (Larson, 1984 : 15). Terjemahan yang mementingkan bentuk teks asal cuba sedaya-upaya untuk mengekalkan bentuk teks asal dalam terjemahannya dan dikenali sebagai terjemahan literal. Sebaliknya, terjemahan yang berdasarkan maksud teks asal berusaha untuk menyampaikan maksud teks asal sebaik mungkin dengan menggunakan struktur bahasa yang lazim digunakan dalam bahasa sasaran sehinggakan terjemahan ini langsung tidak

'berbau' terjemahan (Larson, 1984 : 16). Terjemahan jenis ini dikenali sebagai terjemahan idiomatik.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan penjenisan penterjemahan yang disarankan oleh Larson kerana penjenisan ini paling sesuai untuk tujuan tesis ini.

Mengikut Larson juga, kepelbagaian dalam terjemahan berlaku berdasarkan 3 faktor utama, yakni mesej yang hendak disampaikan, tujuan penulis asal dan penterjemah serta jenis pembaca sasaran. Sama ada terjemahan literal atau terjemahan idiomatik yang dipilih bergantung kepada yang mana antara ketiga-tiga faktor tadi yang diberi keutamaan. Biasanya, satu-satu teks yang diterjemahkan mempunyai kombinasi ketinggian literal dan idiomatik, seperti yang dijelaskan dalam gambar rajah (4) dan ini dapat dilihat daripada analisis data dalam kajian tesis ini :

(4)




Julat Literal dan Bebas dalam Penterjemahan

(Dipetik dan disesuaikan daripada Larson, 1984 : 17)

2.2.2 Newmark (1988)

Kajian tesis ini juga menggunakan perincian tekanan semasa mencari kata padanan yang dikemukakan oleh Newmark. Mengikut Newmark (1988) terdapat beberapa faktor yang sentiasa bertindak dan memberikan tekanan kepada satu-satu teks sasaran dan seterusnya kepada usaha mendapatkan kata padanan. Faktor-faktor tersebut digambarkan dalam gambar rajah (5).

(5)



Tekanan-tekanan ke atas sesebuah teks yang mempengaruhi usaha mencari kata padanan

(Dipetik dan disesuaikan daripada Newmark, 1988 : 4)

Gambar rajah (5) menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi dan memberikan tekanan kepada penterjemah semasa penterjemah mencari kata padanan yang sesuai dengan teks sasaran. Teks terjemahan yang dihasilkan dipengaruhi oleh penulis teks asal itu sendiri termasuk gaya penulisannya. Norma-norma bahasa sumber dan budaya bahasa sumber juga kuat mempengaruhi teks terjemahan. Turut mempengaruhi hasil terjemahan ialah latar belakang dan tradisi bahasa sumber.

Seperti yang berlaku tadi, perkara yang sama juga membabitkan teks sasaran. Faktor pembaca teks sasaran, norma dan budaya bahasa sasaran serta latar belakang dan tradisi bahasa sasaran sama-sama bertindak mempengaruhi teks terjemahan yang dihasilkan. Tidak ketinggalan juga pengaruh penterjemah itu sendiri kerana setiap hasil terjemahan sedikit sebanyak mencerminkan keperibadian penterjemah termasuk pandangan dan prasangkanya dalam berbagai-bagai hal. Dalam pada itu, fakta yang hendak disampaikan dalam teks asal juga hendaklah ditimbangkan sewaktu membuat pemilihan kata padanan. Kesemua faktor di atas bertindak secara tersendiri dan juga secara serentak dalam menentukan pemilihan kata padanan dan jenis terjemahan yang dihasilkan. Dalam kajian tesis ini kita akan mendapati faktor-faktor yang dikemukakan Newmark tadi saling bertindak dan mempengaruhi pemilihan padanan kata kerja.

Satu lagi aspek teori yang dikemukakan oleh Newmark yang digunakan dalam tesis ini ialah tentang kehilangan makna dalam penterjemahan.

Pertambahan atau kehilangan makna dalam teks sasaran tidak dapat dielakkan, seperti yang ditegaskan oleh Newmark (1988 : 34). Ini berdasarkan kenyataan bahawa tidak ada dua sistem bahasa yang sama dari segi bentuk, jumlah perkataan

dalam perbendaharaannya dan cara menyampaikan sesuatu perkara atau peristiwa; dengan itu kepadanan kata tidak dapat mencapai tahap keserupaan. Lagipun setiap kata padanan bahasa sasaran dan bahasa sumber tidak mempunyai komponen makna yang benar-benar sama. Dengan itu, terjemahan melampau, yakni terjemahan yang memberikan ciri makna yang lebih daripada perkataan dalam teks sumber atau terjemahan kurang yang bermaksud makna kata padanan yang diberikan tidak dapat memenuhi makna kata sumber dengan sepenuhnya, tidak dapat dielakkan dalam satu-satu hasil terjemahan (Newmark, 1988 : 34) . Dalam hal ini, didapati kehilangan makna lebih sering berlaku dibandingkan dengan penambahan makna.⁴ Dalam kajian tesis ini didapati kehilangan dan penambahan makna sering berlaku.

Newmark (1988 : 7) mencadangkan empat sumber kehilangan makna dalam penterjemahan :

- (6) (a) Kehilangan makna tidak dapat dielakkan sekiranya teks yang hendak diterjemahkan membabitkan unsur-unsur yang khusus merujuk persekitaran semula jadi, institusi dan kebudayaan bahasa sumber, kecuali wujud penindihan budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran.
- (b) Kehilangan makna tidak dapat dielakkan disebabkan dua bahasa yang berlainan mempunyai sistem leksikal, gramatikal dan sistem bunyi yang berlainan dan seterusnya setiap bahasa membahagi-bahagikan objek fizikal dan hampir keseluruhan konsep intelektual dengan cara yang berlainan.
- (c) Penggunaan bahasa peribadi antara penulis dengan penterjemah tidak sama. Penterjemah mempunyai gaya penulisan dan gaya penggunaan bahasa yang

berlainan daripada penulis teks asal dan ini akan mempengaruhi karya terjemahannya.

- (d) Penterjemah dan penulis mempunyai teori makna dan penilaian yang berlainan. Teori makna penterjemah mempengaruhi interpretasinya terhadap teks yang diterjemahkannya dan ini dicerminkan dalam hasil terjemahannya.

Kajian dalam tesis ini akan menggunakan penjelasan sumber kehilangan makna oleh Newmark untuk menjelaskan keadaan kehilangan makna yang timbul daripada data.

Tesis ini turut menggunakan konsep ketaksaan makna yang dikemukakan oleh Newmark. Salah satu sebab penterjemah mungkin menghadapi masalah dalam pemilihan kata padanan adalah kerana sifat perkataan itu sendiri yang mungkin taksa atau samar. Ketaksaan mengikut Newmark (1988 : 218) bermaksud sifat konstruksi yang dapat diberi lebih daripada satu tafsiran. Newmark menggariskan tujuh (7) jenis ketaksaan dan panduan ini akan digunakan dalam kajian tesis ini.

- (7) (a) ketaksaan gramatis/sintaksis yang berlaku kerana skop penerang (modifier) yang jauh terpisah daripada perkataan yang diterangkan, kata depan, kata ganti dan sebagainya yang taksa.
- (b) ketaksaan leksikal yang membabitkan perkataan yang dapat ditafsirkan dengan lebih daripada satu maksud (seperti polisemi, homonim dan sebagainya). Ketaksaan leksikal lebih kerap berlaku dan lebih sukar diatasi daripada ketaksaan gramatis.
- (c) ketaksaan pragmatik yang hanya dapat diawataksa dengan

memahami maksud tersirat sesuatu ayat itu.

- (d) ketaksaan kebudayaan membabitkan perkataan-perkataan yang telah mengalami perluasan makna dan ketaksaan timbul apabila sukar ditentukan sama ada maksud intinya yang ingin diketengahkan atau maksudnya yang telah mengalami perluasan ini yang dimaksudkan.
- (e) ketaksaan idiolek yang membabitkan perkataan-perkataan yang digunakan secara peribadi tetapi mempunyai makna yang terpesong atau makna yang salah daripada makna asalnya.
- (f) ketaksaan referensial/rujukan yakni ketaksaan yang timbul apabila sesuatu perkataan itu tidak jelas rujukannya
- (g) ketaksaan metaforikal/figuratif yang membabitkan ungkapan-ungkapan metaforik

Kewujudan ketaksaan dalam penulisan memerlukan penterjemah benar-benar menguasai secara mendalam ciri-ciri bahasa sumber di samping memenuhi prasyarat lain seperti mempunyai pengetahuan tentang bidang yang diterjemahkan dan sebagainya sebelum penterjemah dapat menterjemah dengan baik. Daripada data dalam tesis ini kelihatan ketaksaan sering berlaku dan mencabar kecekapan penterjemah untuk mendapatkan kata padanan yang bersesuaian.

2.2.3 Nida (1964)

Dalam kajian tesis ini pengkaji akan menggunakan konsep kepadanan kata yang disarankan oleh Nida kerana konsep beliau lebih mantap.

Padanan kata didefinisikan sebagai unsur dalam teks bahasa sasaran yang mempunyai makna dan maklumat yang sama dan dapat menggantikan unsur dalam teks bahasa sumber.⁵ Matlamat setiap usaha menterjemah pada akhirnya ialah mencari kata padanan yang sesuai. Walaupun demikian, didapati kurang kesepakatan di kalangan ahli-ahli penterjemahan tentang konsep ini.

Nida (1964 : 159) berpendapat terdapat dua jenis kepadanan kata, khususnya kepadanan formal yang memberikan tumpuan kepada bentuk dan isi mesej dalam teks asal dan kepadanan dinamik yang mementingkan kesan kepada pembaca teks sasaran. Setiap bahasa mempunyai cara yang tersendiri untuk menyatakan sesuatu perkara dan memandangkan tidak ada dua bahasa yang serupa, penterjemahan hanya dapat dilakukan dengan syarat penterjemah mencari kata padanan yang sesuai untuk menyatakan perkara yang sama ke dalam bahasa sasaran. Di sini timbul konsep kata padanan terdekat dan kata padanan sejadi (Nida, 1964 : 166) :

- (8) (a) kata padanan terdekat yakni kata dalam bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama yang dapat menggantikan kata dalam bahasa sumber; (terjemahan saya)
- (b) kata padanan sejadi yakni kata dalam bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama di samping mempunyai unsur-unsur dan fungsi kebudayaan yang sama dan lazim digunakan dalam bahasa sasaran dengan kata yang digantikan dalam bahasa sumber; (terjemahan saya).

Konsep kata padanan terdekat dan kata padanan sejadi berkait rapat dengan pengaruh budaya dalam penterjemahan. Kata padanan yang paling baik ialah kata padanan yang terdekat dan juga yang sejadi sekali gus.⁶ Pemilihan kata padanan terdekat dan kata padanan sejadi bergantung kepada beberapa situasi yakni :